

Pembinaan bangunan di KL kini perlu laporan geoteknikal

Syarat baharu ditetapkan oleh DBKL berkuat kuasa serta-merta

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Permohonan kebenaran merancang untuk pembinaan bangunan di Kuala Lumpur kini, perlu disertakan dengan laporan geoteknikal yang disediakan oleh jurutera bertauliah, kata Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.

Beliau berkata, syarat baharu yang ditetapkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu berkuat kuasa serta-merta.

“Syarat ini terpakai kepada permohonan yang sudah ada kelulusan tetapi ‘development order’ (arahan pembangunan) belum dikeluarkan, permohonan yang masih dalam proses dan permohonan yang akan dikemukakan,” katanya kepada media selepas menghadiri Majlis Apresiasi & Penyampaian Hadiah Floria

2024 di Persisiran Tasik, Presint 2 di sini semalam.

Sementara itu, mengenai rangka kerja bagi proses baik pulih tanah jerlus di kawasan Jalan Masjid India, Maimunah berkata, tempoh itu diperlukan kerana ia membabitkan pelaksanaan audit integriti, pemeriksaan saluran air Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) dan kajian kekukuhan tanah dari segi geologi di kawasan berkenaan.

“Sebab itu kita perlukan masa antara tiga hingga enam bulan untuk menjalankan kajian terperinci bermula dari pintu gerbang Kampung Baru hingga pasar raya besar di Jalan Masjid India,” katanya.

Sebelum ini, media melaporkan, operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) wanita warga India yang hilang dalam tanah jerlus di Jalan Masjid India dihentikan petang semalam.

Perkara itu diputuskan selepas mengkaji semula laporan daripada semua agensi berkaitan operasi SAR, sebelum dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

Keputusan itu diambil setelah mendapat pandangan daripada sudut pakar termasuklah dari Polis Diraja Malaysia (PDRM), bomba, Dewan Bandaraya Kuala Lum-



Dr Zaliha menyampaikan Anugerah Floria Most People's Choice Award kepada DBKL yang diwakili Maimunah (enam dari kiri) pada Majlis Apresiasi & Penyampaian Hadiah Floria 2024 di Persisiran Tasik, Presint 2 Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

pur (DBKL), Indah Water Konsortium (IWK), Jabatan Mineral dan Geosains, Agensi Nuklear Negara dan pelbagai agensi lain.

Cadangan pampasan

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, ketika ditemui pada program sama, berkata cadangan pemberian pampasan kepada keluarga mangsa yang hilang dalam ke-

jadian tanah jerlus di Masjid India akan dibawa ke Mesyuarat Kabinet, Rabu ini.

“Minggu depan ada Mesyuarat Kabinet, insya-Allah saya akan bawa isu ini. Kita mencadangkan untuk membawa perkara ini ke Kabinet dan bincangkan berkenaan perkara tersebut (pampasan),” katanya.

Media sebelum ini melaporkan, kerajaan sedia mempertimbangkan memberi pampasan ke-

pada keluarga wanita warga India yang hilang dalam kejadian tanah jerlus di Jalan Masjid India 24 Ogos lalu.

Kelmarin, Dr Zaliha memaklumkan operasi mencari dan menyelamatkan wanita warga India, G Vijaya Lakshmi, 48, yang terjatuh di lokasi kejadian dihentikan.

Katanya, keputusan itu diambil atas beberapa faktor terutamanya disebabkan keselamatan anggota dan keselamatan lokasi.